

PENGHARGAAN

الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على اعراف الانبياء
والمرسلين وعلى آله وصحبه اجمعين ، اما بعد ،

Pertamanya, ucapan tesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan keizinan dan rahmatNya dapat penulis menyiapkan kertas projek ini. Tidak lupa juga penulis ucapkan selamat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W., kaum keluarga dan para sahabat baginda.

Penulis mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Al-Fadhil Ustaz Syed Abdul Rahman bin Syed Husin yang bertanggungjawab membimbing dan memberikan tunjuk ajar semasa penulis menyiapkan kertas projek ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Encik Ahmad Munawar bin Abdul Jalil kerana membantu penulis dalam mendapatkan data-data dan maklumat mengenai kajian ini.

Terima kasih juga diucapkan kepada Pegawai Penyelaras Talmir Daerah Temerloh kerana memberikan kerjasama dan bantuan kepada penulis untuk mendapatkan bahan yang berkenaan dengan organisasi Talmir di Daerah Temerloh. Ucapan terima kasih juga kepada Guru-guru

Takmir yang sudi ditemuramah dan telah memberikan perhatian serta kerjasama kepada penulis.

Akhirnya, penulis menghulurkan doa dan jutaan terima kasih kepada sahabat penulis yang sudi membantu menyiapkan tajian ini. Juga tidak lupa kepada ayahanda dan bonda yang banyak memberikan sokongan moral kepada penulis dalam menjayakan lagi kertas projek ini.

Kepada semua yang terlibat membantu penulis menyiapkan kertas projek ini penulis doakan agar segala bantuan dan sokongan tersebut dikira sebagai satu kebajikan oleh Allah S.W.T. dan hanya Dialah yang berhak membalasnya. Semoga kita sentiasa diberkati oleh Allah S.W.T. di dunia dan di akhirat.

Penulis

Januari 1990

KATA PENGANTAR.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Segala puji bagi Allah, Yang Maha Agung dan Maha Mulia, kerana telah menyempurnakan bagi kami agama kami, selawat dan salam sejahtera ke atas roh Junjungan Nabi yang membawa sinar petunjuk dan rahmat kepada manusia dan juga atas sekalian kaum keluarganya, para sahabat baginda dan para tabi'in.

Kesyukuran terhadap Allah kerana telah diberi kesempatan kepada penulis untuk menyiapkan kertas projek ini. Latihan Ilmiah ini adalah untuk memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Muda Usuluddin Dengan kepujian, Akademi Islam, Universiti Malaya. Kajian ini adalah berkisar kepada Peranan Guru Takmir Masjid Dalam Penyebaran Islam Di Daerah Temerloh.

Berkenaan dengan tajuk ini, Guru Takmir adalah salah seorang anggota masyarakat yang turut serta memainkan peranan mengimarahkan masjid dan surau di negara ini umumnya. Mengimarahkan masjid amat dituntut oleh agama Islam. Oleh itu setiap Muslim harus memikul tanggungjawab ini dengan ikhlas. Masjid perlu dinaikkan

tarafnya sepertimana pada zaman Rasulullah dahulu demi meninggikan syariat Allah, menyebarkan Islam dan mengeratkan persaudaraan sesama Islam.

Penulis tertarik dengan persoalan ini, kerana itulah penulis memilih tajuk ini dalam kajian penulis. Ia dapat membuka fikiran penulis dalam menilai kembali peranan masjid dan peranan alim ulama' di negara ini khususnya dalam usaha mengembangkan lagi ajaran Islam.

Melalui kajian ini penulis dapat melihat dengan lebih hampir keadaan masyarakat Islam dalam menghidupkan masjid di tempat masing-masing. Terdapat juga setengah-setengah masyarakat yang masih belum faham peranan masjid secara lebih meluas lagi.

Kajian ini bukanlah satu kajian yang boleh dianggap sempurna dan terperinci, oleh itu tentunya terdapat beberapa kesilapan dan kesalahan dalam beberapa sudut, tetapi bagaimanapun semoga dengan usaha yang kecil ini dapat memberikan kesedaran kepada penulis dan keteladanan kepada masyarakat dalam konteks mengimarahkan

masjid-masjid yang ada dimuka bumi Allah ini. Semoga dengan sumbangan yang tidak seberapa ini dapat membantu mana-mana pihak dalam meningkatkan perkembangan dakwah di negara ini.

Usuluddin,

Akademi Islam,

Universiti Malaya.

13 hb. Januari, 1990.

Wassalam,



(Norwati Abdul Hamid)